

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah perancangan yang menyeluruh dapat dilaksanakan untuk membina jalan raya yang boleh menghubungkan beberapa kampung di Pulau Sebatik iaitu dari Kg Bergosong Kecil hingga ke Kg Sungai Melayu yang terletak di sempadan Malaysia - Indonesia. Memandangkan hanya sebuah sekolah menengah terdapat di Pulau Sebatik iaitu SMK Wallace Bay, anak-anak dari kawasan-kawasan yang tiada akses jalan raya ini tidak dapat bersekolah di sekolah tersebut

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Membina Jalan dari Kampung Sungai Pukul Ke Kampung Sungai Bergosong, Sebatik, Tawau, Sabah telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas *Rolling Plan* Keempat (RMKe-11, RP4) Tahun 2020 dengan kos sebanyak RM50.0 juta dan skop membina jalan sepanjang 13.0 km dengan spesifikasi JKR R1. Status terkini adalah di peringkat penentuan skop dan kerja awalan.

Manakala bagi cadangan Projek Membina Jalan dari Kampung Sungai Melayu ke Kampung Sungai Limau, Sebatik, Tawau, Sabah telah tersenarai di bawah Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri dan akan diangkat bagi kelulusan RMKe-12 *Rolling Plan* seterusnya. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Sekian, terima kasih.